

Bekas pembantu Trump bersalah hina Kongres

Washington: Juri persekutuan memutuskan bekas pembantu Donald Trump, Steve Bannon bersalah menghina Kongres kerana mengingkari sepina untuk memberi keterangan di hadapan penggubal undang-undang yang menyiasat serangan ke atas Capitol Amerika Syarikat (AS).

Bannon, yang mengetuai kempen Pilihan Raya Presiden Trump 2016, adalah antara ratusan orang yang dipanggil oleh jawatankuasa Dewan Perwakilan untuk menangani serbuan ke atas Kongres oleh penyokong Trump pada 6 Januari 2021.

Ahli strategi Republikan berusia 68 tahun itu tidak hadir pada tarikh saman atau memberikan dokumen yang diminta dan didakwa atas dua pertuduhan.

Gambar fail tentera AS bersama jentera Himars yang akan dihantar ke Ukraine. (Foto AFP)



AS lulus AS\$270j bantuan ketenteraan kepada Ukraine

...nan kediaman membunuh orang

Bantuan itu termasuk 26,000 berkatanya Russia cuba menyogoi

dan didakwa atas dua pertuduhan menghina Kongres.

Juri 12 orang berbincang kurang daripada tiga jam sebelum mendapati Bannon bersalah atas kedua-dua pertuduhan salah laku.

Penjara 30 hari

Bannon, yang berkhidmat sebagai ketua strategi Trump di Rumah Putih sebelum dipecat pada 2017, berdepan sekurang-kurangnya penjara 30 hari dan hukuman maksimum setahun bagi setiap pertuduhan.

Hukuman ditetapkan pada 21 Oktober.

Bercakap kepada pemberita selepas keputusan itu kelmarin, Bannon berkata: "Kami mungkin kalah dalam pertempuran di sini hari ini, tetapi kami tidak akan kalah dalam perang ini."

"Saya berdiri bersama Trump dan Perlembagaan."

Bennie Thompson dan Liz Cheney, Pengerusi dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Dewan, mengalu-alukan keputusan itu, dengan mengatakan 'tiada sesiapa yang berada di atas undang-undang.'

"Sabitan terhadap Steve Bannon adalah kemenangan untuk kedaulatan undang-undang dan penegasan penting terhadap kerja Jawatankuasa Pilihan," kata mereka dalam kenyataan.

"Sama seperti mesti ada akauntabiliti untuk mereka yang bertanggungjawab atas peristiwa 6 Januari, sesiapa yang menghalang penyiasatan kami terhadap perkara ini harus menghadapi akibatnya."

Membentangkan kes kerajaan, pendakwa Amanda Vaughn memberitahu juri bahawa Bannon membuat 'keputusan sengaja' untuk tidak mematuhi sepina.

AFP

Empat Himars dihantar sasar serangan dalam lingkungan 80 kilometer

Washington: Amerika Syarikat (AS) meluluskan bantuan ketenteraan sebanyak AS\$270 juta (RM1.2 bilion) kepada Ukraine, termasuk empat Sistem Roket Artileri Mobiliti Tinggi (Himars) baharu.

Jurucakap Rumah Putih, John Kirby, berkata Russia melancarkan serangan maut terhadap pusat beli-belah, bangu-

kan kemudian, membunuh orang awam di Ukraine.

"Dalam berdepan kekejaman ini, Presiden (Joe Biden) amat jelas bahawa kami akan terus menyokong kerajaan Ukraine dan rakyatnya selama yang diperlukan," katanya.

Bantuan baharu itu, sekali gus menjadikan 20 Himars dihantar ke Ukraine.

Kyiv menyifatkan Himars yang boleh menyasarkan serangan dalam lingkungan 80 kilometer sebagai perubahan dalam menentang Russia.

Bakal terima 580 dron

Pentagon pula yang memperincikan bantuan itu memaklumkan, Ukraine bakal menerima sejumlah 580 dron mudah alih dikenali Phoenix Ghosts, yang mampu melancarkan serangan ke atas sasarannya.

Bantuan itu, termasuk 36,000 peluru dan empat kenderaan perisai yang boleh berfungsi sebagai pusat operasi di medan perang.

Lebih separuh bantuan yang disalurkan adalah daripada pakej bernilai AS\$40 bilion (RM178.1 bilion) diluluskan kongres kepada Ukraine pada Mei lalu.

Menteri Pertahanan Ukraine, Oleksiy Reznikov, awal minggu ini menyuatkan harapan supaya AS dapat membekalkan sebanyak 100 unit Himars supaya mereka dapat mengubah peperangan dalam melawan pencerobohan Russia.

Himars menghantui Russia

Dalam pada itu, seorang pegawai kementerian Pertahanan AS, menafikan dakwaan kononnya Russia berjaya memusnahkan empat unit Himars.

Sebaliknya, pegawai terbabit

berkata, Russia cuba menyesuaikan diri dengan realiti perang saraf dalam menentang Himars, termasuk menggunakan teknik penyamaran.

Pegawai itu turut berkata, Himars kini menghantui Russia di Ukraine.

Sementara itu, penasihat keselamatan kepada Presiden AS, Jake Sullivan, berkata Biden menghaddock penghantaran roket jarak jauh kerana bimbang Ukraine melancarkan serangan ke dalam wilayah Russia, sekali gus mendorong AS ke dalam kancang peperangan.

"Biden percaya kunci utama AS adalah melakukan apa yang perlu untuk menyokong dan mempertahankan Ukraine dan memastikan kita tidak terjerumus ke dalam perang dunia ketiga," katanya.

AFP

'Serah dahulu wilayah dirampas jika mahu gencatan senjata'

Kyiv: Presiden Ukraine, Volodymyr Zelensky, menegaskan gencatan senjata dengan Russia tanpa mengambil semula wilayahnya yang hilang hanya akan memanjangkan peperangan.

Dalam wawancara bersama *Wall Street Journal*, beliau memberi amaran tindakan itu hanya akan mengakibatkan konflik yang berterusan selain memberi peluang kepada Moscow menambah persenjataannya.

Zelensky turut berkata, biarpun Sistem Roket Artileri Mobiliti Tinggi (Himars) yang dibek-

kalkan Amerika Syarikat (AS) mampu membawa perubahan, ia masih tidak boleh membantu Ukraine mengubah keadaan.

"Menghentikan sementara konflik dengan Russia bermakna memberi kepada mereka untuk berehat."

Menghentikan sementara konflik dengan Russia bermakna memberi kepada mereka untuk berehat

Volodymyr Zelensky,
Presiden Ukraine

"Masyarakat percaya semua wilayah yang dirampas perlu dikembalikan terlebih dahulu dan selepas itu kita boleh berunding untuk langkah seterusnya."

"Keperluan lebih penting ketika ini ialah sistem pertahanan udara yang boleh menghalang

serangan peluru berpandu jarak jauh Russia," katanya.

Menyentuh mengenai perjanjian ditandatangani dengan Russia untuk membuka semula eksport bijirin, Zelensky berkata: "Usaha diplomatik itu sedikit sebanyak dapat menstabilkan semula pasaran, namun ia hanya untuk sementara waktu."

Russia dan Ukraine semalam menandatangani perjanjian untuk membuka semula pelabuhan Laut Hitam untuk pengeksportan bijirin, sekali gus memberi harapan dalam menyelesaikan krisis makanan antarabangsa.

REUTERS

